

# KONSEP ILMU PENGETAHUAN PENSYARAH CEMERLANG PENDIDIKAN ISLAM DALAM MENDALAMI ILMU (Concept Of Knowledge For Excellent Lecturers In Islamic Education When Seeking Knowledge)

\* Ahmad Firdaus Mohd Noor<sup>1</sup>, Kamarul Azmi Jasmi<sup>2</sup>, Khairunnisa A Shukor<sup>3</sup>, Nurul Khairiah Khalid<sup>4</sup>, Muhd Imran Abd Razak<sup>5</sup>, Mohd Farhan Abd Rahman<sup>6</sup>, Mukhamad Khafiz Abdul Basir<sup>7</sup>

<sup>1, 4, 5, 6, 7</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),  
Universiti Teknologi MARA, Kampus Seri Iskandar 32610 Seri Iskandar,  
Perak, Malaysia

<sup>2, 3</sup>Akademi Tamadun Islam,  
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia

\*Corresponding author's email: [firdausnoor@uitm.edu.my](mailto:firdausnoor@uitm.edu.my)

## Article History:

Submit: 11 April 2019

Accepted: 9 May 2019

Revised: 17 June 2019

Published: 30 June 2019

*Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*

*Vol. 3, No. 1 (2019), 81-86*

## Abstrak

Artikel ini membincangkan konsep ilmu yang betul yang dimiliki oleh Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) dalam mendalami ilmu pengetahuan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya yang melibatkan temu bual dengan enam orang PCPI di tiga buah politeknik. Temubual kemudiannya diuruskan melalui NVivo versi 7.0 untuk menghasilkan tema dan jadual matriks yang berkaitan dengan amalan konsep ilmu yang betul yang dimiliki oleh Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) dalam mendalami ilmu pengetahuan. Hasil kajian menunjukkan terdapat enam konsep ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam dalam mendalami ilmu pengetahuan. Konsep ilmu pengetahuan yang mencapai tahap pola ialah banyak membaca, menjadi lebih berilmu, tidak malu belajar, dan ilmu agama dikuasai dahulu. Manakala konsep ilmu lain seperti ilmu diamalkan serta memahami falsafah dan sumber ilmu.

**Kata kunci:** Amalan Konsep Ilmu, Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam,, Mendalami Ilmu Pengetahuan.

## Abstract

*This article discusses the concept of knowledge should be acquired by Excellent Lecturers of Islamic Education (ELIE) in seeking knowledge. This study applied full qualitative method which included interviews with six ELIEs from three polytechnics. The data collected from the interview were analysed through the NVivo software version 7.0, producing themes and matrix tables relating to the practice of appropriate knowledge obtained by the ELIEs in seeking knowledge. The study found that there are six concepts of knowledge obtained by the ELIEs in seeking knowledge. Concepts which achieved pattern are reading, becoming more knowledgeable, feeling confident to learn (shameless), and mastering the Islamic knowledge beforehand. Meanwhile, other concepts of knowledge also include the practice of the learned knowledge and understanding the philosophy and the source of knowledge.*

**Keywords:** *the practice of the concept of knowledge, Excellent Lecturers of Islamic Education, seeking knowledge*

## 1.0 PENGENALAN

Pensyarah Pendidikan Islam merupakan warga pendidik yang penting dalam mencorakkan perkembangan pendidikan pelajar hari ini. Persoalan akademik perlulah diselarikan dengan acuan insaniah dan ketuhanan supaya nilai yang terhasil adalah pelajar yang berkualiti hebat (al-Kaylany, 2005; al-Nahlawi, 2004). Justeru, kehadiran para pensyarah yang kompeten dan pakar dalam bidang menjadi pemangkin kepada penghasilan pelajar yang diinginkan. Elemen ilmu pengetahuan menjadi teras kepada saluran penyampaian PdP kepada pelajar. Maka para pensyarah sebelum mendalami dan meningkatkan ilmu masing-masing, haruslah mempunyai pemahaman terhadap konsep ilmu yang betul. Konsep ilmu pengetahuan akan mempengaruhi bagaimana pengetahuan perlu ada dan bagaimana Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam

(PCPI) perlu menguasainya (Ahmad Firdaus, 2017). Dapatan kajian ini akan memperlihatkan PCPI mempunyai konsep pengetahuan yang sentiasa ingin meningkatkan diri menjadi orang yang berilmu.

## 2.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk melihat sejauhmanakah penguasaan ilmu oleh PCPI membantu kecemerlangan diri di kelas dan politeknik. Hasil dapatan kajian membawa kepada beberapa pengetahuan penting yang perlu ada pada seorang PCPI. Walaubagaimanapun dalam artikel ini hanya membincangkan satu sahaja dapatan, iaitu mempunyai konsep ilmu pengetahuan yang betul. Oleh itu, persoalan kajian ini ialah “Sejauhmanakah penguasaan ilmu oleh PCPI membantu kecemerlangan diri di kelas dan politeknik?”.

## 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Bagi mencapai objektif dan menjawab persoalan kajian, pengkaji memilih kajian kes dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Teknik utama yang digunakan pengkaji untuk mengumpul data adalah teknik temu bual separa berstruktur sebagai mana yang dicadangkan oleh beberapa pengkaji (Cresswell, 2012; Fatimah Saleh & Lim Chap Sam, 2010; Sabitha Marican, 2009; Ananda Kumar, 2009). Kajian kes ini dijalankan dengan memilih enam peserta kajian untuk ditemu bual bagi menentukan apakah terdapat keselarasan antara jawapan terhadap soalan yang dikaji oleh pengkaji dengan objektif yang dibina. Peserta yang dipilih adalah terdiri daripada tiga orang Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam lelaki dan tiga orang Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam perempuan di Politeknik Premier, iaitu di Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak dan Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor serta daripada Politeknik Konvensional, iaitu Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang, Tanjung Malim, Perak. Pemilihan lokasi kajian ini berdasarkan penawaran institusi terhadap kursus-kursus di peringkat diploma lanjutan dan ke atas. Ciri-ciri pensyarah yang dipilih pula adalah: (1) berpengalaman mengajar lebih lapan tahun, (2) mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya di peringkat sarjana, (3) menerima kenaikan pangkat melalui proses penilaian kriteria kecemerlangan pensyarah politeknik, (4) menjawat gred jawatan sekurang-kurangnya DH 44, (5) pemilihan dibuat oleh Ketua Unit Pendidikan Islam & Moral, (6) memperoleh Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Hasil proses temu bual ini akan ditranskripkan menjadi data naratif dan diurus tadbir data tersebut untuk memperoleh tema dapatan kajian dengan menggunakan perisian program NVivo 7.0.

## 4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan jadual 1 terdapat enam konsep ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam dalam mendalami ilmu pengetahuan. Konsep ilmu pengetahuan mempengaruhi bagaimana pengetahuan perlu ada dan bagaimana PCPI perlu menguasainya. Dapatan kajian memperlihatkan PCPI mempunyai konsep pengetahuan yang sentiasa ingin meningkatkan diri menjadi orang yang berilmu. Kesemua PCPI memahami konsep ilmu pengetahuan dan sebahagian besar data mencatat pola. Pola bermaksud data yang diperolehi telah dipersetujui oleh sebahagian besar responden (Ahmad Firdaus, 2017). Konsep ilmu pengetahuan yang mencapai tahap pola ialah banyak membaca (PCPI1, 2014: 344, PCPI3, 2014: 554, OPCPI5, 2014: 656), menjadi lebih berilmu (PCPI1, 2014: 737, PCPI6, 2014: 236, RP2PCPI3, 2014: 73, RP1PCPI4, 2014: 326, RP2PCPI5, 2014: 101, OPCPI4, 2014: 117, OPCPI5, 2014: 234), tidak malu belajar (PCPI1, 2014: 561, PCPI3, 2014: 215, PCPI4, 2014: 419, RP2PCPI2, 2014: 159, RP2PCPI6, 2014: 120), dan ilmu agama dikuasai dahulu (PCPI1, 2014: 558, PCPI3, 2014: 354, PCPI4, 2014: 211, 225, PCPI5, 2014: 528, PCPI6, 2014: 361, 652, ADPCPI2, 2014: 475). Manakala konsep ilmu lain seperti ilmu diamalkan (PCPI1, 2014: 737, PCPI4, 2014: 188, PCPI6, 2014: 236), serta memahami falsafah dan sumber ilmu (PCPI2, 2014: 49, PCPI3, 2014: 356, 360).

Konsep ilmu yang paling tinggi dipersetujui PCPI ialah ilmu agama dikuasai dahulu (PCPI1, 2014: 358, PCPI3, 2014: 539, KUPCPI4, 2014: 104, PCPI5, 2014: 240, PCPI6, 2014: 719). Pernyataan ini berdasarkan kata-kata PCPI: “*sangat penting pengetahuan agama, memangla. Memang sangat-sangat kita kena mengajar*” (PCPI3, 2014: 354). Peranan agama telah disebut oleh Maziahtusima, Norhasni & Fathiyah (2017), mampu membentuk sikap, moral, dan spiritual dalam masyarakat serta seterusnya menonjolkan

individu tersebut ke arah kecemerlangan. Terdahulu daripada itu, peranan agama telah diktiraf sebagai salah satu ciri masyarakat bertamadun (Ibn Khaldun, 2002).

**Jadual 1** Konsep Ilmu Pengetahuan PCPI1-PCPI6

Bil.	Konsep ilmu pengetahuan	PCPI1	PCPI2	PCPI3	PCPI4	PCPI5	PCPI6
1.	Banyak membaca	X	-	X	X	X	X
2.	Ilmu agama dikuasai dahulu	X	-	X	X	X	X
3.	Ilmu diamalkan	X	-	-	X	-	X
4.	Memahami falsafah & Sumber ilmu	-	X	X	-	-	-
5.	Menjadi lebih berilmu	X	-	X	X	X	X
6.	Tidak malu belajar	X	X	X	X	-	X

Seterusnya, konsep ilmu yang kedua adalah banyak membaca (PCPI1, 2014: 200, PCPI3, 2014: 321, KUPCPI4, 2014: 108, PCPI5, 2014: 142, PCPI6, 2014: 650). Sikap PCPI yang banyak membaca menjadi satu elemen yang kuat dalam mendalami ilmu pengetahuan. Amalan membaca bahan-bahan ilmiah termasuklah buku-buku agama serta majalah-majalah Islamik merupakan asas kepada budaya dan minat yang ditunjukkan pada ilmu. Allah S.W.T. berfirman dalam Surah *al-'Alaq*.

Maksudnya: "Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya."

(Surah *al-'Alaq*, 96: 1-5)

Konsep ilmu yang seterusnya adalah menjadi lebih berilmu (PCPI1, 2014: 485, PCPI3, 2014: 420, KUPCPI4, 2014: 356, PCPI5, 2014: 332, PCPI6, 2014: 653). PCPI senantiasa dijadikan kayu ukur terhadap akhlak mulia dalam Islam malah menjadi rujukan kepada pelajar, rakan sekerja serta pihak pentadbir dalam menangani masalah-masalah tertentu (Solahuddin & Nor Azzuwal, 2017). Hal ini bermaksud PCPI perlu sentiasa berusaha memantapkan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran bagi menjadikan diri seorang yang kompeten. Pernyataan ini berdasarkan kata-kata PCPI, iaitu:

"Dari sudut ilmu pun, walaupun kita belajar tapi makin banyak kita belajar makin banyak kita tak tahu, kadang budak tanya pun... ish kita pun tak tahu benda tersebut, yang tulah saya masih belum berpuas hatilah. Banyak lagi benda yang perlu belajar"

(PCPI3, 2014: 359)

Berikutnya, konsep ilmu yang dimiliki PCPI adalah ilmu diamalkan. PCPI menjadikan asas mendalami ilmu adalah untuk diamalkan. Perkara ini telah dinyatakan oleh PCPI, iaitu: "*Yang pentingnya ilmu asas, ilmu ni satu, satu lagi pengamalan. Kadang orang berilmu tapi tak amalkan, ada jugak*" (PCPI4, 2014: 486). Apabila sesuatu ilmu itu diamalkan, ianya akan memberikan suatu perkembangan yang sihat dan memberikan keharmonian sejagat (Zetty Nurzuliana Rashed, Ab.Halim Tamuri, Mohd Izzudin Pisol, Mohd Faez Ilias, Siti Suhaila Ihwani (2016).

Selain itu PCPI mempunyai sikap tidak malu untuk belajar samada menyambung pengajian di peringkat tinggi atau rajin menghadiri majlis-majlis ilmu di mana-mana sahaja (PCPI1, 2014: 425, PCPI2, 2014: 360, PCPI3, 2014: 206, PCPI4, 2014: 6522, PCPI6, 2014: 221). Menurut Vermunt (2014), proses perkembangan profesional guru melalui pembelajaran guru memberi kesan yang besar terhadap hasil pembelajaran murid. Rasulullah s.a.w. telah menyebut kebaikan apabila menghadiri majlis ilmu iaitu mendapat ketenangan, dan ketenangan seharusnya dapat dirasai oleh pelajar melalui sikap guru sepanjang PdP. Hadith kebaikan menyertai majlis ilmu tersebut menyebut;

Maksudnya: Dari Abu Hurairah ra. ia berkata : Rasulullah saw. bersabda : "Apabila berkumpul suatu kaum dalam rumah-rumah Allah (masjid) untuk membaca al Qur'an dan mempelajarinya, maka ketenangan pasti akan turun kepada mereka, rahmat Allah melingkupi mereka, malaikat-malaikat mengelilingi mereka dan Allah menyebut-nyebut mereka di kalangan makhluk yang ada didekatNya (para malaikat)."

(Riwayat Muslim)

Seterusnya konsep ilmu yang paling rendah dipersetujui oleh PCPI ialah memahami falsafah dan sumber ilmu (PCPI2, 2014: 49, PCPI3, 2014: 354). Malah, falsafah pendidikan bagi setiap guru dibina

melalui pemahaman terhadap kaedah terbaik yang seharusnya diaplikasi dalam pembelajaran pelajar (Koch, 2018). Hal ini dinyatakan PCPI dengan kata-katanya:

“Pendidikan Islam tu dia kena faham Falsafah Pendidikan Islam, apabila dia tak faham falsafah, dia just apa yang diajar tu hanya pelajaran sahajala. Sedangkan kalau kita faham falsafah pendidikan Islam itu ia adalah dakwah sebenarnya, apa yang kita sampaikan sebagai bukan sahaja di dalam kelas tetapi adalah untuk kita menyampaikan Islam secara formal”

(PCPI2, 2014: 49)

Walaupun konsep ini yang paling rendah dan tidak mencapai pola, konsep ini masih relevan untuk diamalkan. Seseorang yang berupaya memahami falsafah dan sumber ilmu mampu menghayati dan mendalami makna sesuatu ilmu. Justeru, konsep ilmu pengetahuan ini juga seharusnya menjadi panduan para pendidik dalam meletakkan matlamat menguasai ilmu pengetahuan.

## 5.0 IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji menghasilkan satu model yang dinamakan Model Penerapan Konsep Ilmu Pengetahuan Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (MPKIPPCPI). Model ini digambarkan sebagaimana dalam Rajah 1.



Rajah 1 Model Penerapan Konsep Ilmu Pengetahuan Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (MPKIPPCPI)

Berdasarkan Rajah 1, kesemua konsep ilmu pengetahuan yang diamalkan oleh PCPI boleh diamalkan dalam dan luar PdP untuk meningkatkan pengetahuan bagi pensyarah Pendidikan Islam di politeknik. Pensyarah perlu menjadikan kriteria yang dinyatakan sebagai syarat dan matlamat sebelum mempelajari dan menguasai sesuatu ilmu pengetahuan.

## 6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah membincangkan objektif, metodologi, dapatan serta perbincangan kajian kes penerapan konsep ilmu pengetahuan Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) dalam mempelajari dan menguasai ilmu pengetahuan. Pola dapatan kajian berjaya menghasilkan Model Penerapan Konsep Ilmu Pengetahuan Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (MPKIPPCPI) sebagaimana yang telah dibincangkan dalam implikasi kajian ini. Justeru pensyarah Pendidikan Islam perlu mengambil perhatian agar meletakkan kriteria ini sebagai asas dan panduan dalam mendalami sesuatu ilmu. Tujuan dan matlamat yang betul akan menjamin asas pengamalan yang betul untuk diterapkan dalam PdP kepada para pelajar.

## 7.0 RUJUKAN

- ADPCPI2 (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Shah Alam: FTI, UTM. 1-5.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor (2017). Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam di Politeknik Satu Kajian Kes. Tesis Doktor Falsafah. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Al-Kaylaniy, Majid 'Arsan. (2005). *Ahdaf al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Dubai: Dar al-Qalam.
- Al-Nahlawi, 'Abd al-Rahman (2004). *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Asalibuha fi al-Bait wa al-Madrasah wa al-Mujtama'*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Ananda Kumar Palaniappan (2009). *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Fatimah Saleh & Lim Chap Sam (2010). *Analisis Data Kualitatif*. Dalam Noraini Idris. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Solahuddin Abdul Hamid & Nor Azzuwal Kila (2017). *Pembentukan Personaliti Guru Agama Sebagai Role Model Dalam Masyarakat*. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(6), 254 -263.
- Ibnu Khaldun. (2002). *Mukadimah Ibn Khaldun*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- John W. Cresswell (2012). *Educational Research. Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 4th Edition. Boston, USA: Pearson Education.
- Koch, J. (2018). *Teach: Introduction to Education*. Ed.4. SAGE Publications. California.
- KUPCPI4. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik*. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Ketua Jabatan, Politeknik Sultan Azlan Shah Tanjung Malim: FTI, UTM*. 1-11.
- Maziahtusima Ishak, Norhasni Zainal Abiddin & Fathiyah Mohd Fakhruddin (2017). *Eksplorasi Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Agen Perubahan Masyarakat Dari Perspektif Pendidikan Pengembangan*. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 2(6), 2017 214-230.
- OPCPI4. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik*. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Kuliah, Politeknik Sultan Azlan Shah Tanjung Malim: FTI, UTM*. 1-13.
- OPCPI5. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik*. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Kuliah, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Shah Alam: FTI, UTM*. 1-13.
- PCPI1. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik*. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Azlan Shah Tanjung Malim: FTI, UTM*. 1-18.
- PCPI2. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik*. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Azlan Shah Tanjung Malim: FTI, UTM*. 1-18.
- PCPI3. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik*. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Azlan Shah Tanjung Malim: FTI, UTM*. 1-18.
- PCPI4. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik*. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Azlan Shah Tanjung Malim: FTI, UTM*. 1-18.
- PCPI5. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik*. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Shah Alam: FTI, UTM*. 1-18.
- PCPI6. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik*. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Shah Alam: FTI, UTM*. 1-19.
- RP1PCPI4. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik*. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Pondok Rehat, Kampus B Politeknik Ungku Omar Ipoh: FTI, UTM*. 1-15.
- RP2PCPI2. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik*. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Pondok Rehat, Kampus B Politeknik Ungku Omar Ipoh: FTI, UTM*. 1-15.
- RP2PCPI3. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik*. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Pondok Rehat, Kampus B Politeknik Ungku Omar Ipoh: FTI, UTM*. 1-15.
- RP2PCPI5. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik*. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Pondok Rehat, Kampus B Politeknik Ungku Omar Ipoh: FTI, UTM*. 1-15.

- RP2PCPI6. (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Shah Alam: FTI, UTM.* 1-15.
- Sabitha Marican (2009). *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik.* Kuala Lumpur: Edusystem Sdn. Bhd.
- Vermunt, J.D. (2014). *Teacher Learning and Professional Development.* Dalam Krolak-Schwerdt, S., Glock, S. & Böhmer, M. *Teacher's Professional Development: Assessment, Training, and Learning.* The Netherlands: Sense Publishers.
- Zetty Nurzuliana Rashed, Ab.Halim Tamuri, Mohd Izzudin Pisol, Mohd Faez Ilias, Siti Suhaila Ihwani (2016). *Peranan Al-Quran Sebagai Sumber Ilmu Pengetahuan Dan Hubungannya Dengan Sains.* Dalam *Proceeding of 5th International Conference on Islamic Education 2016 (ICIEd 2016)*, pada 5-7 Oktober 2016 bertempat di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak, anjuran Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM), ISBN: 978 -967-14229-2-2.